

MAF 2023 rai kakitangan cemerlang FKJ UMS

UB 09.09.2023 P.01

KOTAKINABALU: Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan kakitangannya yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan melalui pengurusan Majlis Aspirasi Fakulti Kejuruteraan 2023 (MAF2023) baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Le Meridian, Kota Kinabalu itu merupakan inisiatif FKJ dalam mengiktiraf dan menghargai kakitangannya.

Ia sebagai penghargaan atas komitmen dan dedikasi dalam aspek seperti pentadbiran, pengurusan akademik, pengurusan hal ehwal pelajar dan pengurusan penyelidikan dan inovasi.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, pengurusan majlis itu tanda bawaan pengurusan fakulti amat menghargai dan mengiktiraf kakitangannya yang berprestasi cemerlang.

"Percayalah bahawa setiap pencapaian kakitangan dalam semua peringkat merupakan satu kebanggaan untuk universiti dan sentiasa dititikberatkan."

"Sayaberharap agar majlis ini menutup semangat kakitangan untuk terus menyumbang secara cemerlang



CEMERLANG: Sebahagian penerima anugerah merakamkan gambar bersama perasmian majlis itu.

dan memperkasakan lagi diri untuk meraih lebih banyak kejayaan pada masa depan," katanya dalam ucapan ketika merasmikan majlis itu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan

Antarabangsa UMS, Profesor Dr. Shahrial Yusof.

Beliau berkata usaha warga FKJ yang komited untuk mengelakkan budaya kerja cemerlang akan membawa martabat fakulti ke peringkat yang lebih tinggi.

Terdahulu, Dekan FKJ, Profesor Madya Ts. Dr. Ismail Saad dalam ucapannya menekankan MAF2023 bukan setakat memberi penghargaan tetapi memberi aspirasi.

"Ini supaya semua kaki-

tangan sentiasa berlumba-lumba mencapai kejayaan dan menyumbang kepada FKJ khususnya dan UMS amnya," katanya.

Pada majlis itu, 64 penghargaan dan lima anugerah khas disampaikan kepada

penerima mengikut lima kategori.

Lima kategori berkenaan ialah Pengurusan dan Pentadbiran, Penghargaan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Penghargaan Akademik dan Antara bangsa, Penghargaan

Penyelidikan dan Inovasi, dan Anugerah Khas FKJ.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Ir. Dr. Rosalam Sarbatly dan Ketua Pustakawan UMS, MdSazali Md Salleh.